

18 MAY 2003

Khalil-Puteri

HANYA PUCUK PIMPINAN TENTUKAN CALON DIKALANGAN GENERASI MUDA

KUANTAN, 18 Mei (Bernama) -- Penambahan bilangan calon dikalangan pemimpin generasi muda untuk bertanding pada pilihan raya akan datang hanya akan ditentukan oleh pucuk pimpinan parti berdasarkan kemampuan dan keyakinan pengundi terhadap calon itu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata suasana seperti ini sudah menjadi lumrah menjelang setiap pilihan raya apabila ramai pemimpin muda meminta supaya mereka diberikan peratusan tertentu sebagai calon.

Beliau yakin pucuk pimpinan akan sentiasa membuat pertimbangan mengenai perkara ini.

"Peluang juga perlu diberi kepada orang lama kerana mereka telah lama berkhidmat dan ada kemampuan dan keyakinan daripada pengundi di kawasan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas pendapat Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said supaya kepimpinan Umno memberi peluang kepada generasi muda membuktikan keupayaan mereka.

Khalil berkata pandangan yang dikemukakan Azalina itu tidak salah kerana dia adalah pemimpin sebuah pertubuhan.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, bahawa ada segelintir ahli parti berhasrat memecahbelahkan perpaduan parti, beliau berkata tindakan akan diambil oleh Jawatankuasa Disiplin terhadap individu yang terlibat.

Khalil yang juga Menteri Penerangan turut mengecam media barat yang masih lagi memberi gambaran tidak membina tentang negara ini dan tulisan yang berat sebelah.

Katanya media barat seolah-olah tidak memberi tumpuan kepada kejayaan yang diperolehi Malaysia dari persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada Februari lepas.

Terdahulu, beliau telah merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan bekas Tentera Malaysia (PBTM) cawangan Kuantan kali ke-29 di sini.

-- BERNAMA

LIB ZB